

12/12/1999

Nilai diri sendiri sebelum mencemuh

MACAM-MACAM cemuhan dan cacian dilemparkan pemimpin tertinggi pembangkang terhadap Kabinet baru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor, mengumpamakan anggota Kabinet kali ini sebagai antik dan tidak ada yang boleh dibanggakan. Pengerusi DAP, Lim Kit Siang pula dilaporkan berkata, ia adalah satu angkatan zaman purba malah celupar dengan mengibaratkan muka lama yang kekal sebagai 'kayu mati'. Kita percaya menerusi keluaran terbaru lidah rasmi masing-masing, Kabinet yang diumumkan kelmarin akan terus diperlekehkan oleh mereka. Secara keseluruhan kata pembangkang, pelantikan kali ini hambar dan tiada apa yang boleh mencerikan rakyat. Komen mereka - barisan jemaah Menteri, Timbalan serta Setiausaha Parlimen yang baru dipilih tidak mempunyai kemampuan membawa Malaysia melangkah ke alaf baru. Bagi mereka gandingan muka lama dan baru ini gagal menyuntik keyakinan rakyat untuk terus bekerjasama membantu dan menyokong kerajaan.

Bukan sesuatu yang mengejutkan rakyat apabila pembangkang membuka mulut besar mereka menghentam apa saja yang dilakukan parti pemerintah. Rakyat sudah masak dengan telatah dan cara mereka berpolitik. Sejak bila dan apakah yang sudah dilakukan oleh kerajaan pernah dipersetujui pembangkang? Walaupun rakyat secara umum akan menerima baik sebarang cadangan serta langkah yang diambil kerajaan, pemimpin pembangkang tidak pernah secara terbuka tunduk mengakuinya. Ada saja cacat celanya dan yang tidak kena. Jika Dr Mahathir mengetengahkan hanya muka baru saja dalam Kabinet kali ini, pasti kebolehan dan pengalaman mereka akan diperkecilkan. Jika semua muka lama dilantik semula untuk terus memberi sumbangan, mereka akan melabel BN ketandusan pemimpin. Semuanya serba tidak kena. Disebabkan mereka pembangkang, maka apa saja yang dibuat oleh kerajaan mesti dibangkang.

Pembangkang mesti sedar pelantikan Menteri, Timbalannya dan Setiausaha Parlimen adalah bagi membolehkan mereka berkerja untuk rakyat. Perdana Menteri melantik mereka selepas berpuashati setiap individu itu mampu menjalankan tugas. Kabinet ditubuhkan untuk rakyat, bukan untuk memuaskan hati pembangkang. Lantaran itu, pelantikan yang dibuat bukan untuk dinilai oleh pembangkang tetapi oleh rakyat. Tidak wajar pemimpin pembangkang melahirkan rasa tidak puas hati dengan pelantikan itu apatah lagi mencemuh kewibawaan ahli Parlimen yang dipilih rakyat. Pembangkang memang mengetahui dalam hal pelantikan Kabinet, Perdana Menteri yang mengetuai kerajaan mempunyai hak serta kuasa sepenuhnya memilih sesiapa yang beliau rasakan layak. Namun, Lim dan Fadzil sengaja mahu menjadikannya modal politik bagi menarik perhatian ramai dan memperkecilkan BN. Lagipun, bukanlah amalan di Malaysia ini malah di mana-mana pun, sesebuah parti yang mendapat mandat memerintah perlu merujuk kepada pembangkang sebelum melakukan sesuatu perubahan apatah lagi mendapatkan restu mereka! Di dua negeri di pantai timur, pembangkang sudahpun menubuhkan kerajaan negeri. Selain membawa masuk pemimpin baru, Menteri Besar Kelantan mengekalkan muka lama dalam barisan Exconya. Di Terengganu, disebabkan ini kali pertama pembangkang memerintah, semua exconya muka baru. Menteri Besar di dua negeri itu berhak ke atas siapa yang mereka mahu untuk menduduki portfolio yang diwujudkan. Seperti BN, Pas juga mempunyai kriteria tertentu untuk melantik semua Exconya. BN sama ada di peringkat Pusat atau negeri tidak berhak langsung menilai mahupun memperlekehkan kebolehan mereka. Rakyat dua negeri itulah yang akan mengukur sama mereka itu boleh

atau tidak menjalankan tugas. Kita mahu pembangkang menghentikan sahaja cacian yang tidak membawa sebarang manfaat itu. Mereka perlu cermin dan menilai diri sendiri. Gabungan pemimpin baru dan lama dalam sesebuah Kabinet mahupun organisasi adalah biasa. DAP dan Pas sendiri masih mengekalkan pemimpin mereka yang juga boleh dianggap sebagai 'kayu mati'. Malah ada di antara mereka yang sudah berkali-kali menyatakan kesediaan untuk mengundur diri dan ditolak penyokong tetapi dengan belit politik yang dibuat, masih kekal memegang jawatan tinggi parti. Pembangkang sebenarnya menghormati bahawa barisan Kabinet kali ini adalah kombinasi terbaik pemimpin lama berpengalaman dan pemimpin baru berkepakaran. Cuma, mereka malu untuk mengakui hakikat itu secara terbuka kepada rakyat hanya kerana mereka adalah pembangkang.

(END)